

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA  
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
GARDENING CONSULTANCY**

**DISEDIAKAN OLEH:  
ZANARIAH ALI  
YUSAINI YAHYA  
NAZARUL MUSTAFFA  
RAFIDAH MOHD. SHAH  
MUNDAYU MOHD. MUNIRAN**

**DISEDIAKAN UNTUK:  
EN. ABDUL HAMEED BIN MOHD. MYDEEN  
PENSYARAH ETR 300**

**SEMESTER NOV-MAC 1998**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

**28hb. November 1997**

Surat Tuan:

Surat Kami:

**100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

**06-5591067**

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Nazarul Mustafa	95514756
2.	Yusaini Yahya	95215982
3.	Mundayu Mohd Muniran	95484744
4.	Zanariah Ali	95485971
5.	Rafidah Mohd Shah	95279515

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

**Diploma Pentadbiran Awam**

**Semester 5**

**Institut teknologi Mara**

**Cawangan Melaka**

**Km 26, Jalan Lendu**

**78000 Alor Gajah**

**Melaka**

**22 Februari 1998**

**Encik Abdul Hameed bin Mohd Mydin**

**Pensyarah Asas Keusahawanan ETR 300**

**Institut Teknologi Mara**

**Cawangan Melaka**

**78000 Alor Gajah**

**Melaka**

**Tuan**

**Laporan Rancangan Perniagaan**

Dengan segala hormatnya bersama-sama ini disertakan Rancangan Perniagaan kami, Gardening Consultancy.


2. Kertas kerja ini dibuat sebagai memenuhi syarat matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) dan di samping itu juga pengalaman ini dapat digunakan apabila kami menceburkan diri di dalam bidang perniagaan selepas tamat pengajian kelak.

3. Kami telah berusaha sedaya upaya untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ini dengan segala maklumat yang telah diperolehi dan kami berharap agar pihak tuan berpuas hati.


4. Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak tuan di atas bimbingan yang diberikan bagi membantu kami menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian terima kasih

Yang benar



(Zanariah bte Ali)



(Rafidah Mohd Shah)

## 1.0 PENGENALAN

Dewasa ini, kepesatan pembangunan telah mengakibatkan orang ramai berpindah ke bandar dan mempunyai rumah sendiri. Oleh itu banyak rumah-rumah dibina untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk mereka. Namun bukan rumah baru sahaja yang disyorkan untuk diindahkan tetapi rumah-rumah yang telah diduduki selama bertahun-tahun juga perlu dicantikkan. Kegawatan di tempat kerja, kepenatan, kekusutan dan masalah di tempat kerja atau harian dapat dihilangkan dengan menikmati udara segar serta pemandangan cantik di rumah sendiri. Justeru itulah kami mencadangkan agar satu perniagaan yang berkonsepkan bunga dan tumbuhan iaitu **Gardening Consultancy** ditubuhkan untuk menekankan peri pentingnya kedamaian dan keindahan sesuai dengan konsep ‘Rumahku Syurgaku’

**Gardening Consultancy** adalah sebuah perniagaan yang menyediakan perkhidmatan perundingan penghijauan, taman bunga di halaman rumah berserta binaan batu sebagai perhiasan yang tertumpu terutamanya di taman-taman perumahan. Perniagaan ini mempunyai prospek yang luas dan potensi untuk berkembang. Ini juga selaras dengan kehendak kerajaan yang mahukan kehijauan dikekalkan terutamanya terhadap pemuliharaan alam sekitar. Kami juga yakin bahawa perniagaan yang kami cadangkan ini berdaya maju dan ianya merupakan salah satu cara untuk mendisiplinkan diri untuk memelihara alam sekitar.

Walaupun perniagaan ini mempunyai persaingan namun itu adalah lumrah dan adat berniaga yang harus ditempuhi kelak. Sebagai seorang usahawan kami bersifat inovatif dan sanggup mengalami risiko jika kami mengalami kerugian sekalipun kerana tumbuhan perlu dalam kesejahteraan hidup kita.